

## APA ITU ICERD?

ICERD adalah singkatan kepada International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum). Ia telah disahkan pada 21 Disember 1965 dan berkuatkuasa sejak 4 Januari 1969.

Sehingga kini terdapat 15 negara yang tidak mengesahkan konvensyen ini termasuklah Malaysia dan Brunei.

Sekiranya konvensyen ini disahkan di Malaysia, ia secara jelas telah menjejaskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan, terutamanya pada Perkara 153, selain dari Perkara 3(1) dan Perkara 152 yang telah dipersetujui antara kaum di Malaysia.

Selain dari mengkhianati perjanjian yang telah dimeterai menerusi Perkara 153, ia juga membuka jalan bagi penghapusan hak istimewa pribumi serta beberapa entiti yang mempunyai kaitan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan seperti Mara dan MRSM, UTM serta Rejimen Askar Melayu Diraja.

## Ummah garis tiga perkara utama bantahan

**KUALA LUMPUR** - Gerakan Pembela Ummah (Ummah) menggariskan tiga perkara utama ketika menyerahkan memorandum membantah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) kepada wakil Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam.

Pengerusinya, Aminuddin Yahya berkata, tiga perkara itu adalah kerajaan berhenti mengeluarkan kenyataan mengelirukan mengenai ICERD, tidak sesekali berniat mengugat hak orang Bumiputera dan Melayu serta per-

temuan bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membincang isu berbangkit dalam masa terdekat.

"Kita minta secara tegas tiga perkara ini diambil serius pihak berkenaan kerana pelaksanaan ICERD seakan-seakan cuba mencabar kedaulatan raja dan perlembagaan Malaysia.

"Penerimaan ICERD juga akan membawa implikasi negatif kepada keadaan demografi penduduk di negara ini terutama di kalangan anak Bumiputera dan Melayu," katanya pada sidang media himpunan bantah ICERD, di luar

pekarangan bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Memorandum berkenaan diberikan kepada Timbalan Menteri di JPM (Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial), Dr Md Farid Md Rafik di bangunan Parlimen.

Sebelum itu, lebih 100 peserta berjalan dari kawasan Tugu Negara bermula jam 10.30 pagi sebelum berhenti kira-kira 100 meter dari pintu pagar bangunan Parlimen selepas dihalang anggota dan pegawai polis yang berawal di situ.

SINAR HARIAN 01/11/2018 M/S 04

# Bahaya terima ICERD

## Umpama undang malapetaka kepada negara

**NURUL RIDUAN NOR ASHAHA & JANATUL FIRDAUS YAACOB**

**KUALA LUMPUR**

**S**ekiranya kerajaan menerima Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) umpama mengundang malapetaka kepada negara ini.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, ratifikasi ICERD itu akan mencetuskan mobilisasi rakyat akan berlaku.

"Kalau kita terima, implikasi bukan hanya kepada orang Islam sahaja. Perkara ini akan memberi impak termasuk Sabah dan Sarawak.

"Begitu juga dengan hak istimewa



Perhimpunan diadakan di laluan menuju ke bangunan Parlimen.

wa Bumiputera yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Menurut Tuan Ibrahim, jika dilihat sejarah negara, penolakan ini telah lama dibuat sejak zaman Kerajaan Umno - BN.

"Apabila terima, bermakna kita telah akur kepada tuntutan dan beri negara kita untuk dikawal pihak

lain," katanya.

Sementara itu, sebuah keranda diusung dalam perhimpunan semalam sebagai simbolik membantah komitmen kerajaan untuk meratifikasi ICERD.

Perhimpunan yang diadakan di laluan menuju ke bangunan Parlimen itu dihadiri hampir 300 peserta daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang sosial.

Selain itu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengetuai rombongan yang menyerahkan memorandum bantahan itu kepada wakil Jabatan Perdana Menteri.

Antara peserta yang hadir membantah termasuk Gerakan Pembela Ummah (Ummah), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

# Usaha halus ganggu keharmonian negara

**KUALALUMPUR** - Negara mungkin berdepan ketegangan sekiranya kerajaan menerima ratifikasi ICERD.

Ketua Puteri Umno, Zahida Zarik Khan berkata, ia dilihat tidak mendatangkan sebarang kebaikan buat negara.

"Jika ratifikasi ini diteruskan dan diiktiraf kerajaan, saya bimbang ia akan mengundang ketegangan dan lebih keburukan berbanding kebaikan.

"Ini adalah antara usaha halus pihak tertentu untuk mengganggu gugat keharmonian yang telah lama menjadi kekuatan negara kita," katanya melalui kenyataan media, semalam.

Zahida berkata, Puteri Umno membantah

keras ratifikasi ICERD itu.

"Kami mendesak kerajaan lebih tegas dan tidak tunduk kepada kumpulan yang berniat jahat," katanya.

Jumaat lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator P Waytha Moorthy mengesahkan Kerajaan Persekutuan komited mengesahkan enam triti hak asasi manusia termasuk melaksanakan ICERD pada suku pertama tahun depan.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan bahawa kerajaan akan berbincang dengan semua pemegang taruh bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai usaha meratifikasi ICERD.